

Headline **Gadis ketagih porno**  
Date **24. Feb 2008**  
Media Title **Berita Minggu**  
Section **Dimensi**  
Circulation **356414**  
Readership **1869000**

Language **MALAY**  
Page No **8**  
Article Size **407** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



# Gadis ketagih porno

Masyarakat terutama pihak berwajib tidak boleh mendiamkan masalah ini kerana ia semakin serius

Rencana

**R**ITA Alwi (bukan nama sebenar), 19, mula ketagih menonton filem lucah sejak berumur 12 tahun. Bermula dengan ajakan rakan dan sekadar untuk berseronok, dia menjadi ketagih dan hingga kini Rita tidak dapat mengengkang ketagihannya itu. Pengakuan Rita menerusi rancangan *Keluarga di 9* (KD9), Kongsi Rasa, Kongsi Rahsia, sebenarnya bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana dengan arus pemodenan dan era globalisasi kini, apa jua bahan sama ada baik atau sebaliknya mudah diperolehi. Klik saja pada skrin komputer, apa jua yang kita mahukan semua tersedia di depan mata.

Seperti kes Rita, menonton pornografi sudah menjadi satu kemestian dan sebat dengan jiwanya. Malah, dia mengaku tidak pernah terlintas pada fikirannya untuk berhenti atau cuba berhenti menonton porno. "Tabiatnya" juga tidak pernah diketahui keluarga kerana Rita bijak mengatur strategi iaitu menonton di rumah kawan atau ketika keluarganya tiada di rumah. Ini baru satu pengakuan yang didengar, mungkin ramai lagi di luar sana tanpa mengira

usia dan kedudukan, 'hanyut' berkhayal menonton filem lucah. Apa sudah jadi dengan masyarakat hari ini? Pada 2005 misalnya, *Berita Harian* pernah melaporkan ada lebih 1.5 juta laman web lucah yang amat mudah diakses. Ini belum lagi termasuk kewujudan 33 juta laman web pornografi yang dikunjungi pengguna internet saban hari.

Alasan sekadar suka-suka, mengurangkan tekanan, ingin tahu dan tidak sengaja, antara alasan yang diberikan penagih porno. Itu baru jawapan daripada mereka yang gemar melayari laman web lucah, bagaimana pula dengan mereka yang gemar menonton cakera padat yang membanjiri pasaran dan dijual terang-terangan di pasar malam atau di kaki lima kedai 24 jam.

Pakar Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Rahil Mahyuddin yang diundang dalam rancangan KD9 yang dihoskan Nora itu, berkata ketagihan pornografi ini bermula dengan rasa ingin tahu seterusnya menonton sekadar suka-suka sebelum ketagih.

Fitrah manusia, apa yang dilarang lagi mendorong untuk

kita melakukannya, begitu juga dengan ketagihan porno, keseronokan dan rangsangan visual yang ditonton menjadikan penagih ini 'syok sendiri' malah lebih memburukkan jika mereka melampiaskan gejala nafsu secara haram.

Ini adalah antara punca keruntuhan moral, sumbang mahram, jenayah rogol, seks bebas dan seks luar tabii.

"Ketagihan porno juga antara penyebab masalah rumah tangga. Malah, ada yang

**“Ketagihan porno antara penyebab masalah rumah tangga. Malah, ada yang menyalahkan pasangan kerana tidak dapat memuaskan nafsu pasangan”**

Dr Rahil Mahyuddin  
Pakar Psikologi UPM

menyalahkan pasangan kerana tidak dapat memuaskan nafsu pasangan seperti apa yang mereka tonton di dalam cerita lucah," katanya.

Beliau berkata, masyarakat terutama pihak berwajib tidak boleh mendiamkan masalah ini kerana ia semakin serius.

"Jika selama ini, pihak berwajib mengadakan pelbagai kempen seperti anti dadah dan anti merokok, apa salahnya diadakan pula kempen anti pornografi," katanya.

Malah, masyarakat kita masih lagi menganggap 'pantang' untuk membicarakan masalah ini secara terbuka.

KD9 turut berkongsi maklumat kaji selidik yang dilakukan Pengarah Program Psikopatologi dan Trauma Seksual, Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat, bahawa pornografi adalah masalah utama kesihatan mental penduduk dunia ketika ini, ia bukan saja menjadi penyebab ketagihan yang serius malah menyebabkan gangguan emosi dan perilaku sosial. Selain masalah sosial, ketagihan pornografi juga menjejaskan kesihatan.

Menjawab pertanyaan Nora, Pakar Andrologi dan Sakit Tuan, Dr Ismail Tamby, menjelaskan bukan tiada rawatan untuk ketagihan ini, masalahnya, mereka tidak mahu tampil dan tidak mahu menerima rawatan.

"Umpama ketagihan dadah begitu juga penagihan

pornografi. Ia memerlukan tekad dan keazaman untuk berhenti. Jika bertahun-tahun tabiat tidak sihat ini diamalkan mana mungkin mereka berubah sekelop mata," katanya.

Beliau berkata, akibat rangsangan yang 'dipaksa', lama-kelamaan fungsi alat kelamin juga boleh terjejas.

"Jika asyik beronani (wanita) dan melancap (lelaki), boleh menyebabkan ketidakpuasan pasangan ketika melakukan hubungan kelamin (bagi pasangan berkahwin). Ada juga pasangan yang taksud dengan pelbagai teknik perlakuan seks di dalam cerita lucah sehingga dia mahu pasangannya turut melakukan teknik sama. Jika tidak dituruti menyebabkan mereka tidak keruan lantas menyebabkan penderaan seksual pula," katanya.

Dr Ismail menasihatkan mereka yang menghadapi masalah ketagihan ini perlu sedar dan mendapatkan rawatan pakar.

"Sepatutnya, keseronokan hubungan kelamin perlu dikongsi bersama pasangan dan secara dipaksa," katanya.

KD9 adalah rancangan bual bicara yang memaparkan isu kekeluargaan dan kemasyarakatan merangkumi empat slot iaitu *Siapa Kata* (Isnin), *Jiwa Raga* (Selasa), *Dua Generasi* (Rabu) dan *Kongsi Rasa, Kongsi Rahsia* (Khamis), disiarkan secara langsung dari jam 1 hingga 2 petang.